



قجابت كقوا حكيم شرعي نكاري قولا فقيح

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 (91)

Tarikh : 24 April 2014
24 Jamadilakhir 1435H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 3 TAHUN 2014

PERMOHONAN UNTUK MENDAKWA ATAU MEMBELA SEBAGAI ORANG MISKIN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Berdasarkan *Seksyen 31 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004*, mana-mana orang yang tidak berkemampuan boleh memfailkan permohonan untuk mendakwa atau membela sebagai orang miskin. Dilampirkan Prosedur Permohonan untuk Mendakwa atau Membela Sebagai Orang Miskin seperti Lampiran.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



SYARIAH ASAS KeadILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

PROSEDUR PERMOHONAN UNTUK MENDAKWA ATAU MEMBELA SEBAGAI ORANG MISKIN

1. Mana-mana orang atau Peguam Syarie Bahagian Sokongan Keluarga menyediakan dua (2) Permohonan menggunakan Borang 4 dan Afidavit. Afidavit itu hendaklah mengandungi:

(a) nama, tempat tinggal dan pekerjaannya;

(b)akuan bahawa dia tidak berupaya membayar fi Mahkamah dalam prosiding itu; dan

(c) segala fakta material mengenai kes itu.



2. Permohonan dan Afidavit bersama dengan surat rasmi (*cover letter*) tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Mahkamah Syariah yang berkenaan.



3. Pendaftar apabila menerima Permohonan dan Afidavit tersebut perlu merekodkan permohonan tersebut seperti mana dalam Borang A (Buku Daftar Orang Miskin).



4. Pendaftar hendaklah buka sampul kecil dan masukkan Permohonan dan Afidavit tersebut ke dalam sampul kecil tersebut yang mana dia bertindak sebagai pengantara kepada pemohon dan dikemukakan kepada Hakim untuk ditentusahkan.



5. Jika Mahkamah berpuas hati—

(a) bahawa pemohon tidak berupaya membayar fi Mahkamah dalam prosiding itu; dan

(b) bahawa pemohon mempunyai kausa tindakan atau pembelaan yang baik, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka Mahkamah

hendaklah membuat suatu perintah sebagaimana di Borang 4 membenarkan pemohon (kemudian daripada ini disebut "orang miskin") untuk mendakwa atau membela, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai seorang orang miskin.



6. Pendaftar hendaklah menyerahkan satu (1) salinan Perintah sepertimana Borang 4 dan Afidavit kepada pemohon.



7. Pendaftar hendaklah menyimpan satu (1) salinan dalam rekod yang dinamakan Permohonan Untuk Mendakwa Atau Membela Sebagai Orang Miskin.



8. Pemohon hendaklah menyerahkan Borang 4 dan Afidavit itu bersama-sama dengan pliding dan dokumen lain semasa ingin mendaftarkan kes berkaitan.

BORANG A
BUKU DAFTAR ORANG MISKIN

BIL	NAMA	TARIKH	KEPUTUSAN